



Kedah
Malaysia
where it all began

كردان نكره قك بزار الالمابان

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010
Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910
04-774 4643/ 04-733 8717
E-mail : pbnk@kedah.gov.my

Ruj Tuan :
Ruj Kami : (42) dlm. P.Kw.N.(K)1522
Tarikh : 08 Safar 1441H
07 Oktober 2019

**Semua Pegawai Pengawal
Jabatan Kerajaan Negeri**

Y.B. Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH
DARUL AMAN BIL. 2 TAHUN 2019
Makluman Tarikh Akhir Penyediaan Sub-Waran, Pesanan Tempatan,
Pindah Peruntukan dan Inden Kerja**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.B. Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan, Perbendaharaan Negeri telah menetapkan tarikh akhir penyediaan sub-waran, pesanan tempatan, pindah peruntukan dan inden kerja bagi tujuan memastikan perolehan, perkhidmatan bekalan dan kerja dapat disempurnakan mengikut kehendak Arahan Perbendaharaan.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini diedarkan **Surat Pekeliling Kewangan Negeri Kedah Darul Aman Bil. 2 Tahun 2019** yang mengandungi garis panduan yang perlu dipatuhi dan dijadikan panduan oleh pihak Y.B. Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg./Dato'/Tuan/Puan.

4. Perhatian dan kerjasama pihak Y.B. Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KEDAH AMAN MAKMUR - HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"

Saya yang menjalankan amanah,

(NOOR SHAADAH BINTI AHMAD, AMK., BCK.)
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan)
b.p. Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman





**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
KEDAH DARUL AMAN
BIL. 2 TAHUN 2019**

**Semua Pegawai Pengawal
Jabatan Kerajaan Negeri**

**KAWALAN PERBELANJAAN DAN
MAKLUMAN TARIKH AKHIR PENYEDIAAN SUB-WARAN,
PESANAN TEMPATAN, PINDAH PERUNTUKAN DAN INDEN KERJA**

1.0. TUJUAN

- 1.1. Tujuan surat pekeliling ini ialah untuk memaklumkan kepada semua Pegawai Pengawal Jabatan Kerajaan Negeri dan Ketua Badan Berkanun Negeri mengenai kawalan perbelanjaan akhir tahun yang meliputi amalan pengeluaran Sub-Waran, Pesanan Tempatan, Pindah Peruntukan dan Inden Kerja bagi memastikan supaya perolehan, perkhidmatan, bekalan dan kerja dapat disempurnakan mengikut kehendak Arahan Perbendaharaan.
- 1.2. Bagi memastikan pematuhan kepada pekeliling ini, Pegawai Pengawal hendaklah mengutamakan perbelanjaan yang dirancang sahaja.

2.0. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kebelakangan ini, perbelanjaan di bawah AP 58A semakin bertambah disebabkan amalan pengeluaran Sub-Waran, Pesanan Tempatan, Pindah Peruntukan dan Inden Kerja dilaksanakan sehingga penghujung tahun. Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri mensasarkan AP 58A yang minima pada tahun 2020.
- 2.2 Semua perbelanjaan adalah dihadkan sehingga tempoh ditetapkan sahaja. Semua Pegawai Pengawal hendaklah menyemak semula perbelanjaan yang telah dibuat dan memastikan semua pembayaran disempurnakan dalam tahun 2019.
- 2.3 Pegawai Pengawal yang gagal mematuhi peraturan ini boleh dikenakan tindakan di bawah AP 59.

3.0 KAWALAN PERBELANJAAN BAGI TUJUAN PENUTUPAN AKAUN TAHUN 2019

Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal untuk membuat perancangan perbelanjaan pada awal tahun berdasarkan keutamaan dan peruntukan yang telah diluluskan. Sehubungan dengan itu, bagi tujuan kawalan peruntukan dan mengelakkan "*Christmas Shopping*" pada akhir tahun semua Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi arahan seperti berikut ;

3.1 Perbelanjaan Mengurus

3.1.1 Perbelanjaan Bekalan dan Perkhidmatan

Bagi tujuan kawalan perbelanjaan, peruntukan bagi kod 29000 bagi tujuan penganjuran kursus peringkat jabatan adalah tidak dibenarkan kecuali yang telah dikeluarkan pesanan tempatan atau anjuran Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

3.1.2 Pembelian Aset

Peruntukan bagi semua kod 30000 (aset) adalah dibekukan kecuali bagi yang telah dikeluarkan pesanan tempatan.

3.2 Perbelanjaan Pembangunan

3.2.1 Peruntukan pembangunan tidak dibenarkan dibelanjakan **kecuali** bagi projek yang telah **selesai proses perolehan**.

3.2.2 **Pengecualian** hanya diberikan bagi projek-projek seperti di jadual berikut ;

Bil	Jab	Kod Projek	Projek
1	P.04	01000 02000 16000	Projek Kecil Kemajuan Luar Bandar Projek Masjid/Surau/Sekolah Agama Naiktaraf Ruangniaga Kawasan PBT
2	P.06	07000	Projek Khas Pembangunan Pejabat Kewangan Negeri
3	P.09	01000 02000 09000	Bayaran Imbuan Tanah dan Pampasan untuk Jalan-Jalan Negeri Jalan dan Jambatan Projek-Projek Jalan Negeri
4	P.11	01000 02000 07000	Pembangunan Industri Padi Pembangunan Industri Buah-Buahan Pembangunan Pusat Kecemerlangan Pertanian
5	P.13	04000 09000 10000	Program Tebatan Banjir Program Peningkatan Sistem Pengairan dan Saliran Skim Program Peningkatan Sistem Pengairan dan Saliran Luar Skim
6	P.25	01000	Pengambilan Tanah dan Imbuan

3.3. Sebarang pengecualian kepada perkara 3.1 dan 3.2 hendaklah mendapat **Kelulusan Khas** Pegawai Kewangan Negeri sebelum tarikh akhir pengeluaran Pesanan Tempatan atau Inden.

4.0 PERATURAN BAGI PENGELUARAN SUB WARAN, PESANAN TEMPATAN, PINDAH PERUNTUKAN DAN INDEN KERJA BAGI TAHUN 2019

4.1 Sub Waran

- 4.1.1 Pengeluaran sub waran oleh Pegawai Pengawal kepada PTJ hendaklah dilaksanakan seberapa segera sebaik sahaja menerima waran asal peruntukan daripada Perbendaharaan Negeri berdasarkan belanjawan yang diluluskan.
- 4.1.2 Permohonan peruntukan daripada jabatan lain hendaklah dilakukan setelah belanjawan diluluskan supaya pengeluaran sub waran dapat dilakukan dengan segera. Permohonan hendaklah dibuat secara terus kepada Pegawai Pengawal jabatan yang berkaitan dengan memberikan justifikasi yang lengkap ke atas permohonan yang dibuat selewat-lewatnya **15 Oktober 2019 (Selasa)**.
- 4.1.3 Pengeluaran sub waran selepas **15 Oktober 2019 (Selasa)** hendaklah mendapat **Kelulusan Khas** daripada Pegawai Kewangan Negeri

4.2 Pesanan Tempatan

- 4.2.1 Pesanan tempatan hendaklah dikeluarkan oleh jabatan atau PTJ sebelum bekalan/perkhidmatan disempurnakan oleh pembekal.
- 4.2.2 Pengeluaran pesanan tempatan hendaklah dibuat melalui sistem iSPEKS kecuali mendapat kelulusan khas daripada Pegawai Kewangan Negeri.
- 4.2.3 Tarikh akhir pengeluaran pesanan tempatan adalah pada **14 November 2019 (Khamis)**. Pengeluaran pesanan tempatan selepas 14 November 2019 hendaklah mendapat **Kelulusan Khas** daripada Pegawai Kewangan Negeri kecuali untuk tujuan penginapan dan perjalanan bagi urusan rasmi.

kecuali untuk tujuan penginapan dan perjalanan bagi urusan rasmi.

4.3 Pindah Peruntukan

4.3.1 Semua permohonan pindah peruntukan hendaklah menggunakan borang yang telah ditetapkan dan mengikut peraturan yang telah digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bil.1 tahun 2019.

4.3.2 Tarikh akhir permohonan pindah peruntukan adalah pada **15 Oktober 2019 (Selasa)**.

4.4 Inden Kerja

4.4.1 Inden kerja hendaklah dikeluarkan oleh jabatan atau PTJ sebelum bekalan/perkhidmatan disempurnakan oleh kontraktor.

4.4.2 Pengeluaran inden kerja hendaklah dibuat melalui sistem iSPEKS kecuali mendapat kelulusan khas daripada Pegawai Kewangan Negeri.

4.4.3 Tarikh akhir pengeluaran inden kerja adalah pada **31 Oktober 2019 (Khamis)**. Pengeluaran inden kerja selepas 31 Oktober 2019 hendaklah mendapat **Kelulusan Khas** daripada Pegawai Kewangan Negeri dan menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal untuk memastikan kerja-kerja dapat disempurnakan selewat-lewatnya 31 Disember 2019.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa **SERTA MERTA** mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

6.0 PENUTUP

Semua Pegawai Pengawal Jabatan Kerajaan Negeri dan Ketua Badan Berkanun Negeri hendaklah memastikan segala langkah kawalan yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling ini dipatuhi sepenuhnya demi untuk menjamin kestabilan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah.

Sekian,

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEDAH AMAN MAKMUR - HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI ISAHAK BIN MURAT, DSSS., SDK., AMK., BCK.)
Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman.

Tarikh : 07 OCT 2019

s.k. Yang Berhormat,
Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.

Bendahari Negeri Kedah Darul Aman

Pengarah Audit Negeri Kedah Darul Aman

Senarai Edaran :-

1. Yang Berhormat
Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar
[u/p : Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Seksyen Kewangan)]
2. Yang Berhormat
Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman
Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah
Aras 3, Blok E
Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar
[u/p : Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Khidmat Pengurusan)]
3. Sahibus Samahah
Dato' Mufti Negeri Kedah
Jabatan Mufti Negeri Kedah
Aras 3, Bangunan Mahkamah Syariah,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Anak Bukit, Bandar Mu'adzam Shah,
05550 Alor Setar
4. Yang Amat Arif
Dato' Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah
Aras 2, Bangunan Mahkamah Syariah,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Anak Bukit, Bandar Mu'adzam Shah,
05550 Alor Setar
5. Pengarah Tanah dan Galian Negeri
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah
Kedah Darul Aman
Wisma Negeri
05576 Alor Setar
6. Yang Berbahagia
Dato' Pegawai Daerah Kota Setar
Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar
Kompleks Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar,
Persiaran Jubli Emas,
Jalan Suka Menanti,
05150 Alor Setar
7. Yang Berbahagia
Dato' Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri
Kedah Darul Aman
Bangunan Wan Mat Saman
05676 Alor Setar

8. Yang Berbahagia
Dato' Pegawai Daerah Kuala Muda
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Muda
08000 Sungai Petani
Kedah Darul Aman
9. Pegawai Daerah Langkawi
Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi
07000 Kuah, Langkawi
Kedah Darul Aman
10. Pegawai Daerah Bandar Baharu
Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu
09800 Serdang
Kedah Darul Aman
11. Pegawai Daerah Padang Terap
Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap
06300 Kuala Nerang
Kedah Darul Aman
12. Pegawai Daerah Baling
Pejabat Daerah dan Tanah Baling
09100 Baling
Kedah Darul Aman
13. Pegawai Daerah Kulim
Pejabat Daerah dan Tanah Kulim
09000 Kulim
Kedah Darul Aman
14. Yang Berbahagia
Dato' Pegawai Daerah Kubang Pasu
Pejabat Daerah dan Tanah Kubang Pasu
06000 Jitra
Kedah Darul Aman
15. Yang Berbahagia
Dato' Pegawai Daerah dan Tanah Sik
Pejabat Daerah dan Tanah Sik
08200 Sik
Kedah Darul Aman
16. Pegawai Daerah Pokok Sena
Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena
06400 Pokok Sena
Kedah Darul Aman

17. Pegawai Daerah Pendang
Pejabat Daerah dan Tanah Pendang
06720 Pendang
Kedah Darul Aman
18. Pegawai Daerah Yan
Pejabat Daerah dan Tanah Yan
06910 Yan
Kedah Darul Aman
19. Setiausaha
Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman
Aras 4, Blok E,
Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar
20. Setiausaha Sulit Kepada
K.D.Y.M.M. Tuanku Sultan Kedah Darul Aman
Pejabat K.D.Y.M.M. Tuanku Sultan Kedah Darul Aman
Aras 2, Blok A
Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar
21. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman
Aras 1, Blok E,
Wisma Darul Aman.
05503 Alor Setar
22. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri
Kedah Darul Aman
Bangunan Sultan Abdul Halim
05582 Alor Setar
23. Pengarah
Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri
Kedah Darul Aman
Tingkat 10, Bangunan Sultan Abdul Halim
05500 Alor Setar
24. Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah Darul Aman
Tingkat 7, Bangunan Sultan Abdul Halim
05500 Alor Setar
25. Pengarah
Jabatan Pertanian Negeri Kedah Darul Aman
Telok Chengai
06600 Kuala Kedah

26. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri
Kedah Darul Aman
Jalan Datuk Kumbang
05300 Alor Setar
27. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
Aras Bawah, Blok C, Wisma Persekutuan,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Anak Bukit, Bandar Mu'adzam Shah,
05550 Alor Setar
28. Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri
Kedah Darul Aman
Tingkat 8, Bangunan Sultan Abdul Halim
05582 Alor Setar
29. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri
Aras 2, Zon A, Wisma Persekutuan,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Anak Bukit, Bandar Mu'adzam Shah,
05550 Alor Setar